

**PEMULIHAN DIRI REMAJA HAMIL LUAR NIKAH
MENERUSI PENDEKATAN PSIKOSPIRITUAL ISLAM DI
PUSAT PEMULIHAN AKHLAK NEGERI SELANGOR**
*(Self-Rehabilitation Of Teenagers' Premarital Pregnancy Through Islamic
Psychospiritual Approach At Selangor State Moral Rehabilitation Center)*

Mariam Abd. Majid¹, Nurul Zafirah Azman¹, Shahrulanuar Mohamed²

¹Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Selangor, Malaysia

²Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan,
Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Melaka, Malaysia

E-mel: mariam@kuis.edu.my

ABSTRAK

Isu keterlibatan remaja dalam kes kehamilan luar nikah didapati meningkat dari tahun ke tahun. Statistik jenis kesalahan di pemulihan akhlak remaja di Negeri Selangor mengemukakan sebanyak 27.1% remaja terlibat dengan keganasan, 48.6% terlibat dengan salah laku seks, 7.1% terlibat dengan salah guna dadah serta 17.1% terlibat dengan lain-lain masalah sosial. Data ini menunjukkan bahawa kategori kesalahan remaja dalam kes salah laku seks adalah yang tertinggi berbanding kes-kes kesalahan yang lain. Jumlah ini menjadi indikator bahawa isu penglibatan golongan remaja dalam kehamilan luar nikah ini perlu diberi perhatian serius khususnya dari aspek pemulihan. Kaedah pemulihan diri remaja menerusi pendekatan psikospiritual Islam didapati berupaya memulih sekali gus membentengi remaja daripada cenderung terjebak kembali melibatkan diri dalam gejala tersebut. Artikel ini bertujuan mengemukakan dapatan kajian berkaitan pemulihan diri remaja hamil luar nikah menerusi pendekatan psikospiritual Islam yang di aplikasi di pusat pemulihan akhlak Negeri Selangor. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Data kajian diperoleh menerusi kaedah temu bual separa struktur terhadap seorang pentadbir, seorang warden, seorang pegawai am di pusat pemulihan akhlak di Negeri Selangor serta tiga orang remaja hamil luar nikah. Kesemua informen kajian dipilih melalui kaedah pensampelan bertujuan. Transkripsi temu bual dianalisis untuk pembentukan tema dan sub tema. Dapatan kajian mengemukakan kaedah pemulihan diri menerusi pendekatan psikospiritual Islam yang dilaksanakan terhadap remaja hamil luar nikah di pusat pemulihan akhlak Negeri Selangor adalah penyuburan aspek akal, aspek kerohanian dan aspek emosi. Adalah diharapkan dapatan ini dapat dimanfaatkan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam usaha pemulihan akhlak remaja hamil luar nikah mendepani kehidupan hari ini.

Kata kunci: Pendekatan psikospiritual, pemulihan diri, remaja hamil luar nikah, pusat pemulihan akhlak Negeri Selangor.

ABSTRACT

The issue of teenagers' involvement in extramarital pregnancies cases was found to increase from year to year. Statistics on the types of offenses in teenagers' moral rehabilitation in the State of Selangor shows that 27.1% of them involved in violence, 48.6% are involved in sexual misconduct, 7.1% involved with drug abuse and 17.1% in other social problems. These data indicate that the juvenile offense category in sexual misconduct is the highest compared to other offenses. This alarming number is an indicator that the issue of premarital pregnancy needs serious attention, especially from the aspect of rehabilitation. The method of self-rehabilitation for teenagers' through the Islamic psychospiritual approach found to be effective for them to recover from the crisis as well as fortify teenagers' from tending to be trapped again to engage in the symptoms. This article aims to present the findings of a study related to the self-rehabilitation of teenagers' premarital pregnancy through the Islamic psychospiritual approach applied at the Selangor State moral rehabilitation center. This study is qualitative in nature with a case study design. Study data were obtained through semi-structured interviews with an administrator, warden and general officer at moral rehabilitation center in the State of Selangor and three teenagers' premarital pregnancy. All study informants were selected through purposive sampling method. Interview transcripts were analyzed for theme and sub-theme formation. The finding of self-rehabilitation through Islamic psychospiritual approach applied on teenagers' premarital pregnancy at the Selangor State Moral Rehabilitation Center proposes the nurturing of mental aspects, spiritual aspects and emotional aspects for their self-recovery. It is hoped that these findings can be utilized by the relevant parties that involved in the related effort, to restore the morals of teenagers' premarital pregnancy to continue and face their future life meaningfully.

Keywords: Psychospiritual approach, self rehabilitation, teenagers' premarital pregnancy, Selangor state moral rehabilitation center.

1. PENDAHULUAN

Golongan remaja merupakan aset modal insan negara dan berperanan besar dalam mencorak masa hadapan aspek politik, ekonomi dan kemasyarakatan di Malaysia (Absha Atiah & Mohd Isa, 2019). Namun, isu yang berlaku kebelakangan ini, keterlibatan golongan remaja dalam pelbagai masalah sosial semakin berleluasa dan membimbangkan. Peningkatan masalah sosial remaja bermula daripada kes-kes disiplin di sekolah, perlakuan jenayah pembuangan bayi, pembunuhan, kes rogol, seks bebas, pengguguran kandungan dan kelahiran anak luar nikah dalam kalangan remaja hari ini bukan lagi menjadi suatu perkara asing dalam masyarakat (Mohd. Fauzi & Mohd. Khairul Naim, 2012). Pada tahun 2014, kes kehamilan remaja luar nikah sebanyak 3,980, tahun 2015 sebanyak 3,980, tahun 2016 sebanyak 3,938, pada tahun 2017 sebanyak 3,694 dan pada tahun 2018 sebanyak 2,873 kes yang didaftarkan di Klinik Kesihatan Malaysia.

Remaja delinkuen ditempatkan di pusat-pusat pemulihan disebabkan pelbagai kes kesalahan. Kajian Absha Atiah dan Mohd. Isa Hamzah (2019) yang dilakukan berkaitan jenis kesalahan di pemulihan akhlak remaja di Negeri Selangor mengemukakan sebanyak 27.1% remaja terlibat dengan keganasan, 48.6% terlibat dengan salah laku seks, 7.1% terlibat dengan salah guna dadah serta 17.1% pula terlibat dengan lain-lain masalah sosial. Data ini menunjukkan bahawa remaja di pusat pemulihan akhlak yang terlibat dalam kes salah laku seks adalah yang tertinggi berbanding kes-kes kesalahan yang lain. Lebih membimbangkan apabila didapati sebanyak 10 kes berlaku setiap hari apabila angka 300 kes kehamilan remaja luar nikah dianggarkan berlaku dalam satu bulan (Sinar Harian, 2019). Angka ini menjadi indikator penglibatan remaja dalam gejala kehamilan luar nikah yang berlaku dalam negara pada hari ini.

Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan remaja hamil luar nikah yang berumur 10 hingga 19 tahun mengikut negeri bermula tahun 2012 hingga 2015 ialah seramai 18,847 orang remaja hamil pada tahun 2012, diikuti 17,588 orang pada tahun 2013, 16,528 orang pada tahun 2014 dan pada tahun 2015 adalah seramai 13,831 orang. Pecahan mengikut negeri menunjukkan negeri Selangor mencatatkan angka remaja hamil paling tinggi bagi negeri di Semenanjung Malaysia diikuti oleh negeri Sarawak (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2015). Berdasarkan sumber Polis Di Raja Malaysia berkaitan statistik kes buang bayi bagi tahun 2014 hingga 2018, Negeri Selangor mencatatkan rekod tertinggi mengikut kontinjen negeri iaitu sebanyak 135 kes, diikuti negeri Sabah sebanyak 67 kes, negeri Johor dan Kuala Lumpur sebanyak 62 kes, negeri Kedah sebanyak 42 kes, negeri Perak sebanyak 35 kes, negeri Pahang sebanyak 33 kes, negeri Serawak sebanyak 31 kes, negeri Kelantan sebanyak 27 kes, negeri Pulau Pinang 24 kes, negeri Melaka 13 kes, negeri Terengganu 12 kes dan negeri Perlis 7 kes (Harian Metro, 2019).

Golongan remaja terlibat dalam gejala salah laku seksual kerana beberapa faktor antaranya dorongan rakan, teman lelaki, kelemahan diri, sifat ingin tahu dan muhu mencuba (Sarnon, 2012; Rafidah, 2001). Selain itu faktor percintaan, filem porno, kepincangan keluarga, lemah pegangan agama, mengambil pil khayal, kesunyian, kemurungan dan keperluan kepada kawan turut menjadi sebab remaja mudah terjebak dalam salah laku seksual (Mariam et al., 2019; Siti Aishah, 2019). Timbulnya delinkuen dalam kalangan remaja sering dikaitkan dengan sikap remaja itu sendiri, hubungan keluarga yang tidak rapat, lokasi kediaman, rakan sebaya, pengaruh media massa dan persekitaran (Buerah et al., 2015; Khadijah Alavi et.al., 2012). Corak kehidupan remaja hari ini banyak dipengaruhi dengan keadaan globalisasi, perkembangan teknologi

informasi dan pengaruh gadget (Schwab, 2017; Karuniawan & Cahyanti, 2013; Sri Widayani, 2020). Keadaan ini menyebabkan golongan remaja senang terlibat dengan perkenalan di alam maya dan mengakses bahan porno sehingga terjebak kepada perlakuan negatif (Wandi Adiansah et. al., 2019; Tan et al., 2016). Fenomena ini berlaku kerana kegagalan golongan remaja menyesuaikan diri dengan perkembangan yang berlaku hingga menyebabkan remaja berada dalam keadaan kekeliruan, keseronokan dan berlaku salah pilih dalam membuat keputusan dan terlanjur melibatkan diri dalam aktiviti seks tanpa nikah. Apa yang lebih membimbangkan ialah kesan yang bakal ditanggung oleh golongan remaja ekoran kesilapan tindakan salah laku seksual yang telah dilakukan mengakibatkan kemurungan, tekanan mental serta disisihkan oleh keluarga. Sehubungan itu, golongan remaja ini tidak boleh dipulaukan malahan perlu diberi sokongan dan bimbingan dalam usaha pemulihan supaya implikasi-implikasi lebih serius dapat dihindari (Rohany et. al., 2016; Wan Fadhilah et. al., 2011; Nor Jana, 2013; Zakiyah, 2015; Sarnon, 2012).

Kaedah yang berkesan bagi mengembalikan dan memulihkan kekuatan diri remaja yang terjebak dalam kehamilan tanpa nikah ini ialah menerusi pendekatan psikospiritual dengan mengembalikan mereka agar menghayati kehidupan beragama berdasarkan asas-asas pendidikan al-Quran dan al-Sunnah dan (Zakaria Stapa et al., 2012; Khairul Hamimah et. al., 2014). Justeru, artikel ini memberi tumpuan terhadap intervensi elemen psikospiritual bagi pemulihan diri remaja hamil tanpa nikah di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor.

2. PEMULIHAN AKHLAK MENERUSI PENDEKATAN PSIKOSPIRITUAL

Pemulihan akhlak mempunyai kaitan dengan aspek penciptaan manusia. Maksud Firman Allah SWT dalam surah *al-Hijr*, ayat 29 menjelaskan berkaitan penciptaan manusia merupakan gabungan dua elemen iaitu fizikal dan spiritual.

Maksudnya: "Maka Aku telah menyempurnakan kejadiannya dan Aku telah meniupkan ke dalamnya ruh (ciptaan) Ku..".

Ayat ini menerangkan bahawa manusia disempurnakan kejadian fizikal sebelum ditiupkan ruh. Kedua unsur ciptaan manusia ini perlu disuburkan bagi menjamin homeostasis atau keseimbangan diri seseorang manusia. Keseimbangan diri manusia dapat dicapai dengan menyuburkan aspek fizikal dan aspek spiritual.

Pembangunan fizikal manusia dapat dipenuhi antaranya dengan memelihara keperluan makan, minum, tempat berlindung, sokongan sosial. Al-Quran memberi panduan kepada manusia berkaitan panduan pemeliharaan aspek fizikal diri manusia seperti pemilihan makanan menerusi maksud firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 168:

Maksudnya: "Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu".

(Al-Baqarah (2) : 168)

Pembangunan aspek spiritual pula perlu diperkuuhkan menerusi penyuburan *aqal*, *ruh* dan *qalb* (al-Ghazāli, 1988; al-Makki, 1997). Elemen akal manusia dapat disuburkan menerusi ilmu. Dorongan mencari ilmu ini dinyatakan menerusi maksud hadis Rasulullah SAW:

Maksudnya: "Sesiapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah memudahkan baginya satu jalan untuk menuju ke syurga"

(Riwayat Muslim)

Hadis ini memberi galakan dalam usaha pencarian ilmu pengetahuan. Kepentingan aspek ilmu tidak boleh dinafikan kerana kejahilan dan kelemahan ilmu pengetahuan boleh menyebabkan manusia tersalah dalam membuat pilihan dalam tindakan.

Selain penyuburan aspek akal, aspek pemeliharaan *al-nafs* turut penting diberi perhatian. Firman Allah SWT dalam surah al-Syams, ayat 7-10 menjelaskan berkaitan ciri *al-nafs* yang wujud dalam diri seseorang manusia:

Maksudnya: "Dan jiwa serta penyempurnaannya (ciptaannya). Maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaannya. Sesungguhnya beruntunglah orang yang mensucikan jiwa itu. Dan sesungguhnya merugilah orang yang mengotorinya."

Ayat ini menerangkan bahawa sifat elemen *al-nafs* berpotensi untuk dibersihkan dan dikotori. Seseorang yang memiliki *al-nafs* yang bersih bakal memperoleh kejayaan sebaliknya memiliki *al-nafs* yang kotor boleh menjurus kepada keadaan kerugian. Penyuburan elemen *al-nafs* boleh dilakukan menerusi pengukuhan keimanan, pengamalan amal ibadah serta akhlak yang mulia (Siti Aisyah & Sidar Nasrum, 2016; Nasir, 2010). Al-Nafs yang bersih berhasil menerusi tunjang akidah yang mantap (Sayyid Sabiq, 2000). Akidah yang mantap membawa amal ibadah yang dapat menghindari seseorang daripada melakukan kemungkaran (Zakaria, 2001). Firman Allah SWT menjelaskan dalam surah al-Ankabut, ayat 45 yang bermaksud:

Maksudnya: "Sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar".

(Al-Ankabut : 45)

Ayat ini menjelaskan bahawa pengamalan solat dapat menghindari diri daripada perbuatan kemungkaran. Ini bermakna ketinggian aspek spiritual dapat dilihat dari seseorang yang banyak melakukan amal saleh sekali gus menjadi indikator hubungan yang dekat kepada Allah SWT (Abu Talib al-Makki, 1997; Dewi Ainul, 2017). Penyuburan dan kebersihan jiwa seterusnya mempengaruhi penyuburan dan kebersihan elemen *al-qalb* manusia. Jiwa yang baik dan bersih menjadikan hati manusia juga baik dan bersih. Hati yang baik dan bersih menjadikan segala tingkah laku dan tindakan manusia dizahirkan baik dan mulia. Perkaitan hati dan zahir manusia dijelaskan dalam sabda Rasulullah s.a.w.:

"Maksudnya: "Ketahuilah bahawa pada jasad itu terdapat segumpal daging, jika ia baik maka baiklah seluruh jasadnya, jika ia buruk maka buruklah seluruh jasadnya, ketahuilah bahawa ia adalah hati (jantung).

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Pemulihan diri melalui pembersihan jiwa sejajar dengan panduan al-Quran dan hadis memberi impak positif dan meninggalkan kesan untuk jangka masa yang

panjang (Mahmood Nazar, 2006). Spiritual yang berada pada tahap yang bersih berupaya membawaikan ketenangan dalam kehidupan seseorang sekali gus merawat masalah jiwa yang dialami (Sumadi, 1983). Sebaliknya ketidakstabilan jiwa menjurus berlakunya masalah diri yang lain (Mohd Rushdan & Ahmad Bukhari, 2015). Kesihatan aspek spiritual mempengaruhi keadaan kesihatan fizikal seseorang (Ahmad Hisham & Che Zarrina, 2009). Amalan-amalan menzahirkan ingatan terhadap Allah SWT menyumbang kepada penyuburan aspek spiritual manusia (Dewi Ainul, 2017). Maksud firman Allah SWT dalam surah al-Ra'd, ayat 28 ;

Maksudnya: "(iaitu), orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenang dengan mengingati Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingat Allahlah hati menjadi tenang"

Berdasarkan huraian di atas, pendekatan psikospiritual atau pengamalan hidup beragama sangat relevan untuk dijadikan sebagai satu pendekatan bagi pemulihan akhlak (Siti Aishah dan Fariza, 2017; Azizah dan Nor 'Adha, 2014). Artikel ini bertujuan mengenal pasti pendekatan psikospiritual yang dilaksanakan pusat pemulihan akhlak di Negeri Selangor.

3. METODOLOGI

Kajian ini adalah jenis kualitatif iaitu berdasarkan kualiti data (Kriyantono, 2006) dengan reka bentuk kajian kes. Dapatkan kajian diperoleh menerusi temu bual separa struktur yang dikendalikan terhadap enam orang informen iaitu seorang pentadbir (P1), seorang warden (P2), seorang pegawai am (P6) di Pusat Pemulihan Akhlak iaitu sebuah rumah perlindungan yang menempatkan remaja-remaja perempuan yang terlibat dengan gejala sosial termasuk remaja yang hamil tanpa nikah di Negeri Selangor dan tiga orang remaja (P3 hingga P5) yang hamil tanpa nikah. Kesemua informen kajian dipilih melalui kaedah pensampelan bertujuan seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Pemilihan infomen secara persampelan bertujuan

Bilangan	Informen	Kriteria
P1	Pentadbir	Bertugas di Pusat Pemulihan Akhlak
P2	Warden	Bertugas di Pusat Pemulihan Akhlak
P3-P5	Remaja	Hamil Luar Nikah
P6	Pegawai Am	Bertugas di Pusat Pemulihan Akhlak

Pemilihan informan dilakukan berdasarkan keperluan kajian. Protokol temu bual telah dibuat ujian rintis kepada dua orang informan yang memiliki ciri yang menghampiri informan sebenar bertujuan melihat kesesuaian soalan. Proses penambahbaikan telah dilakukan sebelum sesi temu bual sebenar dilakukan.

Dapatan temu bual menghasilkan transkripsi yang telah dikemukakan kepada informan kajian bagi tujuan semakan dan pengesahan. Beberapa tema dan sub tema dihasilkan daripada transkripsi temu bual dan selepasnya dinilai oleh tiga orang pakar bagi penilaian tahap persetujuan (Cohen Kappa). Jadual 2 di bawah adalah nilai tahap persetujuan Cohen Kappa oleh pakar.

Jadual 2: Pakar dan kepakaran bagi tahap persetujuan Cohen Kappa

Bil	Nama	Kepakaran	Tahap Persetujuan (Cohen Kappa)
1	Panel 1	Bidang Psikologi	0.94
2	Panel 2	Bidang Komunikasi	0.92
3	Panel 3	Bidang Remaja	0.92
Keputusan keseluruhan			0.93

Tahap keseluruhan persetujuan pakar terhadap tema dan sub tema dan sub tema dan sub tema berdasarkan pengiraan Cohen Kappa adalah 0.93 iaitu berada pada skala sangat tinggi merujuk Jadual 3.

Jadual 3: Skala persetujuan Cohen Kappa

Nilai Kappa	Skala Interpretasi
> 0.90	Sangat Tinggi
0.70 – 0.89	Tinggi
0.30 – 0.69	Sederhana
< 0.30	Rendah

Sumber: Jasmi, K. A. (2012)

4. DAPATAN KAJIAN

Berikut adalah hasil dapatan kajian yang diperoleh berkaitan pendekatan pemulihan diri remaja yang dilaksanakan di pusat pemulihan akhlak Negeri Selangor. Pemulihan akhlak dilaksanakan menerusi pendekatan berikut;

4.1 Pembangunan Aspek Akal

Terdapat beberapa aktiviti dianjurkan bagi membangun aspek aqal antaranya;

4.1.1. Kelas Pengajian Agama

Pusat pemulihan mewujudkan kelas pengajian agama bagi membimbing para pelatih mendalami ilmu pengetahuan. Guru Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dijemput untuk membantu pelatih bagi kelas-kelas pengajian. Menurut P1¹:

“Biasanya kelas dikendalikan oleh guru dari MAIS untuk mengajar ilmu tauhid... tajwid ada, feqah pun ada”.

Pengendalian kelas pengajian sebagai platform bagi menyalurkan ilmu pengetahuan agama kepada para pelatih iaitu ilmu tauhid, ilmu fekah dan ilmu tajwid. Menurut Khairul Hamimah et. al., (2014), ilmu tauhid antara pengajian yang paling penting diberikan kepada para pelatih kerana tauhid atau akidah adalah tunjang yang mendasarkan kekuatan diri seseorang. Kelas pengajian al-Quran turut dilaksanakan oleh warden untuk para pelatih belajar membaca al-Quran. Menurut P2 :

“Macam kalau diorang tak pandai membaca quran atau iqra’ saya akan ajar lah..”.

Pelatih di pusat pemulihan ini dibimbing lebih khusus dalam aspek kerohanian dan dipastikan agar benar-benar dapat memahaminya. Menurut P2:

“ Saya lebih memberi tumpuan kepada aspek spiritual pelatih ni..pengajian agama.. dan selalu buat usaha susulan untuk tolong kefahaman mereka ..”.

Pihak pengurusan pusat dilihat sangat menitikberatkan pengajian kelas agama ini. Guru-guru MAIS dijemput untuk mengendalikan kelas manakala pihak pusat pemulihan turut membantu agar pelatih agar dapat memahami pengajaran yang diberikan. P1 menjelaskan;

“bila habis kelas dari guru MAIS ajar, apabila disoal semula, dia orang seperti kurang faham..saya ulang kaji semula dengan mereka apa yang dipelajari..”.

Tumpuan terhadap aspek pendidikan pelatih dalam kelas pengajian agama bertujuan membantu pelatih untuk pengukuhan diri. Nurzatil Ismah et al., (2018) mengemukakan bahawa pengukuhan aspek *ruhiyyah* diri remaja penting dan iaanya dilaksanakan dengan memberi penekanan terhadap keteguhan keimanan kepada Allah SWT. Pengendalian kelas pengajian ini ternyata memberi kesan positif dalam usaha penyuburan elemen akal pelatih. Pelatih mengakui bahawa pengajian kelas agama dapat menguatkan mereka daripada keinginan membuat perbuatan yang ditegah oleh agama. P4 berkata:

“Syukur...saya dapat mengetahui cara untuk menjadi hamba Allah SWT yang baik...saya insaf ...usia muda ini tidak boleh disia-siakan dengan melibatkan diri dalam masalah sosial ini..”.

Pelaksanaan kelas pengajian ini dapat memberi panduan kepada pelatih untuk memikirkan cara berhadapan dengan keadaan yang dihadapi. Perbincangan dalam kelas pengajian memberi ruang dan peluang kepada para pelatih berkongsi keadaan yang dialami. Menurut Rohany (2015) intervensi yang dilaksanakan bagi membantu wanita hamil tanpa nikah ini boleh meningkatkan tahap penghargaan kendiri.

4.1.2 Pelaksanaan Amalan

Para pelatih dibimbing dalam pelaksanaan amalan bagi meningkatkan penyuburan aspek spiritual. Mereka dilatih melaksanakan solat, puasa sunat, bacaan al-Quran, zikir, *qiamulail* dan bacaan *al Mathurat*. Menurut informan P2:

“Para pelatih dimestikan berpuasa pada hari Isnin dan Khamis, solat malam, mengamalkan bacaan al mathurat, sembahyang secara berjamaah, membaca surah al Mulk bagi memastikan diri mereka tidak lalai...”.

Latihan pelaksanaan amal ibadah dalam kalangan pelatih ini penting bagi merawat penyakit spiritual atau dalaman diri. Kajian Khairul Hamimah et. al (2014) turut mengemukakan pengamalan ibadah sebagai medium bagi pengukuhan pembinaan diri pelatih. Usaha membiasakan diri pelatih untuk beramal ini bukanlah suatu perkara yang mudah kerana latar belakang pelatih yang berbeza. Para pelatih memerlukan panduan dan pemantauan dalam pelaksanaan ibadah sehari-hari. Menurut P6:

“Para pelatih dipantau dalam pengamalan ibadah seperti memastikan pelatih bangun untuk sembahyang malam..mereka juga dibimbing menjadi imam sembahyang..”

Amal ibadah dapat menghindari pelatih dari perlakuan yang dilarang oleh agama. Menurut salah seorang pelatih P5:

“Saya merasa putus asa dalam hidup ini pada awalnya...tetapi apabila saya fikir bahawa kehidupan masa hadapan saya masih jauh...saya mula mendekatkan diri melaksanakan solat walaupun telah lama tidak dilakukan..”.

Ini selaras dengan dapatan kajian Khadijah Alavi et al., (2012) yang mendapati pengabaian terhadap ajaran agama menyebabkan remaja terjebak dalam gejala kehamilan tanpa nikah. Seajar dengan kajian Ahmad Hisham (2010) bahawa terdapat hubungan signifikan antara sembahyang, nilai-nilai kerohanian dengan penyakit gelisah dalam kalangan remaja Muslim.

4.1.3 Penerapan Zikir

Berzikir merupakan antara pendekatan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Pihak pusat pemulihan telah memprogramkan aktiviti berzikir dalam kalangan pelatih. Menurut P1:

“undangan menghadiri program zikir dan selawat diterima setiap bulan untuk pembangunan spiritual pelatih....”

Pusat pemulihan menerima jemputan penyertaan pelatih dalam majlis zikir dan selawat yang dianjurkan. Mohd Syukri et.al., (2018) zikir boleh merawat penyakit yang dialami seseorang yang bersifat luaran mahu pun dalaman.

4.1.4 Hafazan al Quran

Hafazan al-Quran turut menjadi antara program yang dikendalikan di pusat pemulihan akhlak ini. Terdapat dalam kalangan pelatih yang memiliki keupayaan dan kebolehan untuk menghafaz al-Quran sehingga boleh menyertai pertandingan hafazan yang dianjurkan. Menurut P1:

“Aktiviti hafazan turut dilaksanakan dengan mengikuti kelas...ada pelatih yang berpotensi dipilih menyertai pertandingan hafazan....”

Terdapat dalam kalangan pelatih yang memenangi pertandingan. Menurut P2 :

“Antara pelatih yang mengikuti kelas hafazan berjaya dalam pertandingan dan berhasrat untuk membuka kelas pengajian al-Quran kelak ..Ini antara maklum balas yang menggembirakan hati kami” .

Kenyataan ini membuktikan bahawa program hafazan al-Quran yang dilaksanakan boleh memupuk kebolehan serta membentuk diri pelatih. Kajian Nurzatil Ismah dan Zulkifli (2018) menunjukkan bahawa al-Quran asas kukuh dalam pembentukan jati diri remaja sekali gus berperanan bagi penyelesaian masalah sosial remaja pada masa kini.

4.2 Pembangunan Aspek Jiwa

Pembangunan aspek jiwa turut menjadi fokus dalam pemulihan diri pelatih di Pusat Pemulihan Akhlak di Negeri Selangor.

4.2.1 Sesi Kaunseling

Sesi kaunseling dilaksanakan di pusat pemulihan akhlak sebagai usaha menangani remaja yang berhadapan dengan masalah sehingga memerlukan sokongan. Sesi ini dilaksanakan untuk membantu pelatih yang mengalami tekanan serius. Pihak warden berperanan sesi bersama para pelatih bagi kes-kes yang ringan. Menurut P2:

“Selalunya mereka memang alami rasa tertekan, kemurungan dan jadi slow. Jadi warden akan ambil take part lah untuk pantau”.

Kaunselor luar dijemput khusus mengendalikan sesi kaunseling dengan pelatih yang menghadapi kes-kes kritikal. Menurut P1:

“Kes yang kritikal seperti kemurungan, ketagihan melampau dikendalikan oleh kaunselor jemputan dari luar...”

Namun, jika terdapat kes yang lebih kritikal, pelatih akan dirujuk kepada psikiatri. Pelatih iaitu P3 menjelaskan gambaran tekanan serius yang dialami:

“Saya alami tekanan ...depress..bila tahu saya mengandung..tak tahu apa yang hendak dilakukan, apa hendak dikatakan..seperti ada gangguan mental sehingga macam nak bunuh diri ..saya dirujuk ke psikatari ketika mengalami stress begitu..”

Pusat pemulihan akhlak dilihat sangat mengambil berat aspek sokongan emosi para pelatih. Kajian Amaludin dan Zainal (2003) dan Ummur Radhiah et. al (2019) mendapati bimbingan kaunseling membawa kesan positif dan penting bagi membantu golongan remaja di pusat pemulihan yang menghadapi masalah untuk mengurus emosi.

4.2.2 Program Sokongan Emosi

Program sokongan emosi penting bagi menyalurkan panduan kepada para pelatih cara menguruskan emosi yang dialami. Informan P2 menceritakan antara tindakan yang dilakukan oleh pelatih ekoran implikasi tekanan emosi:

“Kalau nak kata tindakan lari dari sini tu ada jugak tapi bukan majoritilah, ada jugak yang cuba cederakan diri dan sebagainya”.

Tekanan emosi yang dialami menjadikan pelatih merasa diri tidak berguna. Menurut P6:

“Dalam bahasa senangnya diorang rasa diri diorang tu seperti sampah, rasa tak guna lah”.

Keadaan ini memerlukan pantauan dan bimbingan kepada para pelatih. Mengikuti sesi bimbingan dan program ini berupaya memberikan kekuatan kepada para pelatih menangani tekanan yang dirasai. P2 menjelaskan:

“Para pelatih dibawa mengikuti program menangani tekanan emosi yang dianjurkan di luar pusat pemulihan seperti di hotel...ini bertujuan membekalkan pelatih panduan bagaimana untuk mereka mengurus emosi”

Kajian Zahrotul 'Uyun dan Novarianto (2012) menjelaskan bahawa antara faktor yang memberi tekanan emosi kepada golongan remaja yang hamil luar nikah disebabkan perubahan fizikal mereka, risau terhadap kandungan yang dikandungnya dan risau terhadap keseluruhan kehidupannya jika kandungannya dapat diketahui orang sekeliling.

4.2.3 Program Kemahiran

Pusat pemulihan turut mengendalikan program kemahiran bagi para pelatih bertujuan mendedahkan mereka kepada ilmu asas kemahiran sebagai bekalan menghadapi kehidupan masa hadapan. Menurut P6:

“Cuma sediakan diorang kemahiran-kemahiran je dan kami Cuma boleh bagi jalan-jalan je untuk diorang”.

Program kelas jahitan, memasak, pertanian dan kraf tangan disediakan untuk para pelatih. Penyertaan pelatih disusun berdasarkan kecenderungan dan keupayaan. Menurut P2:

“Kelas kemahiran yang dianjurkan ialah kelas kraf tangan, jahitan dan memasak. Pelatih boleh memilih mengikut kecenderungan mereka..”.

Aktiviti yang kemahiran yang dilaksanakan ini juga dapat mengurangkan rasa jemu dalam kalangan pelatih apabila melakukan aktiviti yang diminati. Menurut salah seorang pelatih iaitu P4:

“ya..mengisi masa dengan melakukan sesuatu yang saya suka boleh mengurangkan stress yang saya alami..”.

Kepuasan diri dapat dicapai apabila dapat melakukan aktiviti yang disukai. Namun dalam pada itu, terdapat juga sebahagian pelatih yang berhadapan dengan kekangan kesihatan dan tidak dapat mengikuti aktiviti yang dianjurkan. Keadaan ini dinyatakan oleh P6 :

“Dalam kalangan pelatih ada jugak yang mengalami badan lesu dan lemah. Masalah ini.. tu kami ada refer jugak pada pihak hospital. Kalau time kita buat aktiviti gotong royong pun tengok diorang macam lemah, tak larat, tak aktif macam budak lain”.

Tidak boleh dinafikan bahawa terdapat sebahagian golongan remaja yang menghadapi kekangan kesihatan akibat pelbagai faktor namun ianya telah diurus sebaiknya oleh pusat pemulihan mengikut kes.

4.2.4 Mandi Ais

Mandi ais turut menjadi antara pendekatan pemulihan yang dilaksanakan di pusat pemulihan akhlak ini. Menurut P2:

“Ada lah dua orang yang datang mengadu dekat kita yang dia dah tak tahan sangat dah. Jadi saya akan rujuk pada pengurus, kemudian kalau perlu kita akan mandikan dia ais lah untuk hilang rasa ketagihan tu.”

Terlibat dalam perlakuan negatif seperti salah laku seksual berlaku kerana kelemahan aspek spiritual seseorang serta boleh menyebabkan ketagihan. Pusat pemulihan memilih pendekatan mandi ais sebagai alternatif meredakan ketagihan dalam kalangan pelatih.

Spiritual yang lemah memudahkan gangguan dan dorongan kejahatan mempengaruhi diri manakala faktor-faktor luaran turut mendorong kecenderungan individu melakukan sesuatu tindakan negatif (Mohd Rushdan & Ahmad Bukhari, 2015). Kajian Khairul Hamimah et al., (2014) mendapati penerapan elemen spiritual berteraskan agama di dalam modul di pusat pemulihan dilihat sangat signifikan kerana ia mampu mengubah dan memahamkan individu mengenai makna kehidupannya. Menurut Nor Aina dan A'dawiyah (2018), pendekatan rawatan psikospiritual memberi kesan positif dalam penyelesaian masalah dan pemulihan akhlak serta memantapkan kestabilan jiwa para pelatih di pusat pemulihan akhlak dan pusat pemulihan wanita. Sejajar dengan dapatan kajian Nur Diyana Ahmad dan Berhanundin Abdullah (2018) yang turut mengemukakan bahawa aktiviti keagamaan dapat memberi sumbangan dari aspek pengukuhan jati diri remaja, membawa perubahan kepada pertumbuhan sosial komuniti Felda dan tuntutan ajarannya sesuai dengan tuntutan yang diajar oleh Islam.

5. KESIMPULAN

Program pemulihan diri di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor yang dilaksanakan secara holistik. Tumpuan terhadap pendekatan psikospiritual untuk penyuburan aspek pemikiran, jiwa dan emosi para pelatih dilihat efektif bagi pengukuhan elemen kerohanian diri pelatih. Namun bagi menjamin keberkesanan pendekatan ini, iltizam dan bimbingan berterusan terhadap para pelatih adalah sangat penting. Kejayaan usaha pemulihan ini memerlukan komitmen yang sangat tinggi terutama dari pihak pengurusan pusat pemulihan termasuk seluruh kakitangan, pihak kerajaan dan negeri serta pihak ibu bapa dan para pelatih sendiri.

RUJUKAN

- Abdul Mujib. (2015). Implementasi PsikoSpiritual Dalam Pendidikan Islam. *MADANIA: Jurnal Kajian Keislaman*. 19(2). 195-199.
- Ahmad Hisham & Che Zarrina Sa'ari. (2009). Terapi Solat dalam Menangani Penyakit Gelisah (Anxiety) Menurut Perspektif Psikoterapi Islam. *Jurnal Usuluddin* 29(1). 1-45.
- Ahmad Hisham bin Azizan. (2010). Solat Dan Nilai-Nilai Spiritual Dalam Menangani Gelisah Dalam Kalangan Remaja Islam: Kajian Di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI), Selangor, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid bin Muḥammad. (1988). *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Makkī, Abū Ṭālib. (1997). *Qūṭ al-Qulūb fī Mu’āmalat al-Mahbūb wa Wasf Tarīq al-Murīd Ilā Maqām al-Tawhīd*, j. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Amaludin, b. A., & Zainal, b. M. (2003). Kaunseling Menjana Kesejahteraan Hidup Remaja. Retrieved from UPM: http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/34099/Article_9.PDF. Diakses pada 10 Oktober 2020.
- Buerah.T, Ngadi, S., & Abu Naim, H. (2016). Delinkuen Pelajar Dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/ Pelajar Muslim Bersepadu. *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 7(2), 11-30. Retrieved from <http://ejournal.ukm.my/jhadhari/article/view/12492>. 22 Ogos 2021.

- Dewi Ainul Mardliyah. (2017). Terapi Psikospiritual Dalam Kajian Sufistik. *Khazanah: Jurnal Studi Islam dan Humaniora*. 15 (1). 234-244.
- Fauzi, H. Mohd & C.N. Mohd Khairul Naim. (2012). Tinjauan Kepentingan Pembangunan Modal Insan di Malaysia (Review on the Importance of Human Capital Development in Malaysia. *Jurnal Al-Tamaddun*, 7(1), 75-89
- Jamaluddin, Zakiyah, Abd Manaf, Abdul Razak, Sayuti, Rusimah. (2015). *Sokongan Sosial Dalam Kalangan Remaja Hamil Tanpa Nikah*. In: USM International Conference on Social Sciences 2015 (USM-ICOSS2015), 27th – 28th August 2015, Rainbow Paradise Beach Resort, Penang
- Jasmi, K. A. (2012). Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian Kualitatif. Kertas kerja Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggung Ibrahim Melaka, 28-29 Mac.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2015). National Adolescent Health, Plan of Action 2015-2020. Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia
- Karuniawan, A., & Cahyanti, I. Y. (2013). Hubungan antara *Academic Stress Dengan Smartphone Addiction* Pada Mahasiswa Pengguna *Smartphone*. *Jurnal Psikologi Klinis Dan Kesehatan Mental*, 2(1), 16–21.
- Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Noremy Md. Akhir, Mohd Suhaimi Mohamad, Noorhasliza Mohd Nordin. (2012). Hamil Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja. *Journal of Social Sciences And Humanities*. 7 (1). 131-140, April Special.
- Khairul Hamimah Mohamad Jodi, Mohd Afifuddin Mohamad, Azizi Che Seman. (2014). Penerapan Agama dalam Modul Psikospiritual dan Kesannya Terhadap Kesihatan Spiritual: Kajian Kes di Kompleks Dar Assaadah Kuala Lumpur Jurnal Syariah, Jil. 22, Bil. 1 (2014) 107-127
- Kriyantono. R. (2006). Teknik Praktis Riset Komunikasi. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2006). Mencegah, Merawat dan Memulihkan Penagihan Dadah Beberapa Pendekatan dan Amalan di Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mariam Abd. Majid, Nurul Zafirah Azman & Nurul Izzah Mohd Yani. (2019). Faktor Penglibatan Remaja dalam Salah Laku Seksual: Kajian Terhadap Remaja

- Hamil Luar Nikah di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*. 5 (1) 253-265.
- Mohd Rushdan & Ahmad Bukhari. (2015). Integrasi Terapi Psikospiritual Islam Dalam Modul Rawatan Dan Rehabilitasi Berasaskan TC (Therapeutic Community). International Drug Prevention And Rehabilitation Conference (Prevent 2015). 23rd to 24th November 2015 Langkawi Island, Kedah, Malaysia. 98-109.
- Mohd Syukri Zainal Abidin, Che Zarrina Sa'ari & Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. (2018). Pendekatan Psikoterapi Islam Terhadap Kanak-kanak Muslim Autistik. *Akademika* 88(1), 65-73.
- Nasir, O. Mohd. (2010). *Falsafah Akhlak*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Nor Aina & A'dawiyah. (2018). Pendekatan Dakwah Terhadap Penghuni Di Pusat Perlindungan Wanita Majlis Agama Islam Johor. *At-Tahkim*, Vol. 8, 2018.
- Nor Diana & Abdullah, B. (2018). Pembinaan Jati Diri Remaja Felda melalui Aktiviti Dakwah Organisasi Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 18(1), 52-63. <https://doi.org/10.37231/jimk.2018.18.1.298>.
- Rafidah Hj Kastawi. (2001). Hubungan antara Sokongan Sosial dengan Kemurungan yang dialami oleh Remaja Hamil tanpa Nikah. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Rohany Nasir, Zainah Ahmad Zamani, Rozainee Khairudin, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Mohd Norahim Mohd Sani & Aizan Sofia Amin. (2015). Tahap Pengherotan Kognitif, Kesunyian, Kemurungan, Penghargaan Kendiri, Dan Sokongan Sosial dalam Kalangan Wanita Hamil Luar Nikah. *Jurnal Psikologi Malaysia* 29 (2). 1-10.
- Rohany Nasir, Zainah Ahmad Zamani, Rozainee Khairudin, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Mohd. Norahim Moh. Sani & Aizan Sofia Amin. (2016). Hubungan Antara Kesunyian Dan Sokongan Sosial Terhadap Kemurungan Dalam Kalangan Wanita Hamil Tanpa Nikah. *Jurnal Psikologi Malaysia*. 30(1) 152-159.
- Sayyid Sabiq. (2000). *Al-'Aqai'd al-Islamiyyah*, c. 10, Kaherah: Dar al-Fath Li al-Ilami al-'Arabi.
- Schwab, K. (2017). *The Fourth Industrial Revolution*. New York: Random House USA Inc.

- Siti Aishah Yahya & Fariza Md.Sham. (2017). Pendekatan Psikologi Dakwah dalam Menangani Emosi Remaja Hamil Tanpa Nikah (RHTN). Prosiding Seminar Kaunseling & Psikoterapi Islam. Medan, Indonesia.
- Siti Aishah Yahya & Fariza Md.Sham. (2019). Jurnal 'Ulwan. Jilid 4 2019: 137-148.
- Siti Aisyah Yahya, & Sidar Nasrum. (2016). Tahap Penghayatan Agama dalam Kalangan Remaja Hamil Tanpa Nikah. *Jurnal Sains Sosial*, 1, 17-35.
- Sri Widayani. (2020). Pembentukan Karakter Remaja Melalui Pola Asuh Demokratis Untuk Mencegah Kecanduan Gadget Di Era Revolusi Industri 4.0. Psycho Idea. 18(1). 74-81. <http://jurnahnasional.ump.ac.id/index.php/PSYCHOIDEA/issue/view/438>. Diakses pada 10 Oktober 2020.
- Statistik Remaja Hamil 2014-2018. Kementerian Kesihatan Malaysia. <https://www.sinarharian.com.my/article/16145/INFOGRAFIK/Statistik-remaja-hamil>. Diakses pada 9 Oktober 2020.
- Sumadi Suryabrata. (1983). Psikologi Kepribadian. Bandung: Rajawali Press.
- Tan, Rohana & Norhasni Zainal Abiddin. (2016). Tinjauan Permasalahan Akhlak Belia di Institusi Pengajian Tinggi. MIMBAR PENDIDIKAN: *Jurnal Indonesia Untuk Kajian Pendidikan*, 1(2) September, 161-178.
- Ummur Radhiah Hussin, Zuria Mahmud, Siti Suria Bahrudin, Siti Noraisah Mokhtar, & Siti Rokiah Tharin. (2019). Pendekatan Kaunseling Kelompok Untuk Mengurus Emosi Dalam Kalangan Remaja Perempuan Sekolah Agama. *Southeast Asia Psychology Journal*. 7 (7), 106 – 115.
- Wan Fadhilah Wan Ismail. (2011). Kesan & Akibat Kehamilan Remaja. <http://www.myhealth.gov.my/kesan-a-akibat-kehamilan-remaja/> Diakses pada 10 Oktober 2020.
- Wandi Adiansah, Eko Setiawan, Wina Nurdini Kodaruddin & Hery Wibowo. (2019). Person in Environment Remaja Pada Era Revolusi Industri 4.0 . *Jurnal Pekerjaan Sosial* 2(1). 47- 60.
- Zahrotul 'Uyun, & Novarianto, W. S. (2012). Kecemasan Pada Remaja Hamil di Luar Nikah (Studi Kasus Remaja Surakarta Tahun 2011). Ishraqi, 10, 97-107. <https://publikasiilmiah.ums.ac.id/xmlui/bitstream/handle/11617/2188/7.%20Luar%20Nikah%20Uyun.pdf?sequence=1&isAllowed=y>. Diakses pada 10 Oktober 2020.

Zakaria, S. (2001). Akidah dan Akhlak dalam Kehidupan Muslim. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf dan Abdul Fatah Shaharudin. (2012). Asas Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu-Muslim. *Jurnal Hadhari*. Special Edition (2012). 129 - 141.

<https://www.hmetro.com.my/utama/2019/04/448917/buang-bayi-setiap-3-hari>. Di akses pada 22 Ogos 2021.